

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

# ترافيي كجيواعن TERAPI KEJIWAAN

**TAJUK:**

**Patuhi Arahan Pihak Kerajaan Dalam  
Sama-Sama Membendung Penularan Covid-19**





*“...oleh itu, sewajarnyalah kita bersabar, meningkatkan semangat mematuhi arahan-arahan atau panduan dan nasihat daripada pihak yang berkuasa, terutama Kementerian Kesihatan demi kepentingan bersama. Semoga dengan kesabaran kita itu, Allah akan merahmati dan kita akan segera terkeluar daripada wabak ini sepenuhnya...”*

(Sidang Media Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama pada Isnin, 26 Syaaban 1441H bersamaan 20 April 2020M.)

# **Patuhi Arahan Pihak Kerajaan**

## **Dalam Sama-Sama Membendung Penularan Covid-19**

### **Ayat Al-Quran**

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

يَأَيُّهَا الْمُنْتَهِيَّ إِلَيْنَا أَطْبِعُوا أَذْكُرْنَا  
وَأَطْبِعُوا مَا تَرَسَّوْنَ وَأُولَئِكُمْ لَدُنَّا مِنْكُمْ

“Hai orang-orang yang beriman, ta'atilah Allah dan ta'atilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu.” (An-Nisa ayat 59)

### **Hadith Rasulullah ﷺ**

Ibnu Umar meriwayatkan bahwa Rasulullah ﷺ bersabda, yang bermaksud:

“Seorang muslim wajib mendengar dan taat dalam perkara yang dia suka atau benci selama tidak diperintahkan untuk bermaksiat. Apabila diperintahkan untuk bermaksiat, maka tidak ada kewajiban mendengar dan taat.” (Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

### **Titah**

Titah Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 13 April 2020: *“Melalui kesempatan ini, Beta ingin menganjurkan supaya kita sama-sama melazimkan diri membaca Surah Yaasin selain surah-surah yang lain dalam al-Qur'an, kerana Yaasin fadhilatnya sangat banyak untuk keselamatan kita di dunia dan di akhirat. Insya Allah, dengan berkat Yaasin juga, Covid-19 akan berundur meninggalkan kita dan negara.”*

### **Peranan & Tanggungjawab**

Dalam sama-sama membantu membendung penularan wabak Covid-19, kita berperanan dan bertanggungjawab selaku orang yang beriman kepada Allah Subhanahu wa Taala dan Rasulnya, untuk berusaha dengan perantaraan Doa, Istighfar dan Tawab serta mengikuti amalan pembacaan Yaasin disamping mematuhi apa jua arahan Pihak Kerajaan dengan mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan.

### **Patuhi Nasihat & Arahan MOH**

Amalkan langkah-langkah berikut:

- Kekalkan tahap kebersihan diri.
- Kurangkan keluar rumah tanpa keperluan dan elakkan tempat ramai.
- Apabila keluar rumah / di tempat awam, pastikan pakai sungkup muka.
- Patuhi arahan penjarakan sosial, elakkan bersalaman dan bersentuhan. Anjur hormat dengan meletakkan tangan di dada dan tunduk hormat jika perlu.
- Lakukan saringan suhu badan dan scan Bruhealth sebelum memasuki mana-mana premis.

### **Lindungi Diri & Keluarga**

Amalkan langkah-langkah berikut:

- Biasakan diri dan didik ahli keluarga dan masyarakat dengan norma baharu.
- Sentiasa pastikan SOP dan arahan kerajaan dipatuhi.
- Sentiasa pantau status kesihatan diri dan keluarga.
- Hubungi 148 dan dapatkan rawatan jika bergejala serta awda dan keluarga telah memuat turun, mendaftar dan menggunakan aplikasi Bruhealth.

### **Cegah Covid-19**

Usaha mencegah daripada jangkitan Covid-19 adalah tanggungjawab kita bersama. Ini dapat dijayakan dengan mengawal diri untuk mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan. Ini adalah penting demikian memastikan keselamatan diri, keluarga dan masyarakat Brunei Darussalam.

### **Hikmah Taat**

Pastinya disebalik ketaatan, akan ada hikmah di sebaliknya. Dengan mematuhi arahan yang telah ditetapkan, hikmah-hikmah berikut akan mampu dimiliki:

- Hati dan fikiran akan menjadi lebih tenang.
- Keselamatan diri dan keluarga akan lebih terjamin.
- Risiko untuk terjadinya hal-hal yang buruk dan merugikan akan berkurangan.
- Kita akan dihormati dan menjadi contoh teladan yang baik.
- Mendapatkan pahala dan ganjaran di sisi Allah..

# **Patuhi Arahan Pihak Kerajaan Dalam Sama-Sama Membendung Penularan Covid-19**

Marilah kitani sama-sama terus istiqamah mematuhi arahan Pihak Kerajaan dalam situasi pandemik ini bagi sama-sama membantu membendung penularan Covid-19.

Adapun komitmen dalam mentaati dan mematuhi adalah tanda kehebatan orang Islam, kerana dengan sifat ini ia mampu memudahkan dan mempercepatkan kitani mengharungi cabaran di era pandemik ini sekaligus menghasilkan keberkatan di dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

In sha Allah Taala, segala dasar-dasar yang dirangka itu merupakan langkah terbaik untuk kita menghadapi pandemik ini. Ini kerana hakikatnya usaha-usaha ini merupakan usaha yang murni bagi mencapai tujuan syariat (Maqasid Syariah) itu sendiri dan ini mencakup dalam menjaga Akal, Agama, Keturunan, Harta dan khususnya menjaga Nyawa.

Oleh itu, maka tekadkanlah hati untuk tetap bersabar dalam mentaati perintah kerajaan sekalipun perintah tersebut berlawanan dengan kehendak diri sendiri dan tetapkekallah berusaha sedaya yang mampu mengikut batasan yang diperbolehkan sekaligus haruslah kita berhati-hati agar tidak sewenang-wenangnya melanggar peraturan dan saranan yang telah ditetapkan.

Sama-samalah kita berdoa dan bermunajat kepada Allah Subhanahu wa Taala agar segeralah bahaya wabak Covid-19 ini diangkat dari bumi Brunei Darussalam. Mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus menerus menganugerahkan kepada kita semua kesihatan, ke'afiatan, rezeki yang halal dan banyak, umur yang penuh keberkatan dan keselamatan di dunia dan akhirat. Ameen ya Rabbal 'Alamin.

والله ولي التوفيق